

08 OCT 1998

LAPORAN KHAS-KAWALAN/I

KAWALAN MODAL HANGAT DIBAHAS DI MESYUARAT BANK DUNIA/IMF

Oleh: Salmy Hashim

WASHINGTON, 8 Okt (Bernama) -- Kawalan modal sebagai satu strategi untuk menstabilkan ekonomi semasa krisis kini makin hangat diperbahaskan di mesyuarat tahunan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)/Bank Dunia yang berakhir di sini hari ini.

"Rawatan kejutan" Malaysia menggoncang pasaran-pasaran dunia apabila kerajaan mengumumkan September lepas bahawa ia menetapkan kadar tukaran ringgit pada RM3.80 bagi satu dolar dan mewajibkan tempoh menunggu selama setahun bagi keuntungan modal yang didapati daripada pasaran saham. Pada Ogos, Hong Kong bertindak campurtangan untuk menaikkan pasaran ekuitinya, menghalang spekulator dan mempertahankan matawangnya.

Menteri Kewangan Kedua Malaysia Datuk Mustapa Mohamed yang menemui Setiausaha Kewangan Hong Kong Donald Tsang pada awal Khamis, berkata: "Hong Kong adalah satu daripada beberapa pihak kecil yang bersimpati dan memahami langkah-langkah Malaysia mengenakan pengawalan matawang dan modal terpilih".

Apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyelar peranan spekulator yang memporak-perandakan krisis ini dan menyeru beberapa langkah kawalan dan peraturan terhadap pedagang-pedagang matawang di mesyuarat tahun lepas di Hong Kong, ide beliau seolah-olah diperlekeh dan dilabel sebagai "gila" oleh pasaran dan media Hong Kong.

Selepas diserang oleh para pedagang matawang, Hong Kong yang merupakan pusat pasaran bebas dan kapitalism, kini jelas berubah pendirian.

Mustapa berkata Tsang kecewa dengan mesyuarat tahun ini kerana terlalu banyak bercakap tetapi tiada kemajuan dalam isu untuk menjadikan kegiatan-kegiatan pedagang matawang lebih telus. Tempoh masa tertentu bagi tindakan oleh negara-negara maju G-7 atau IMF juga tidak diadakan.

"Selagi tiada penyelesaian didapati, lebih banyak matawang akan diserang dan lebih banyak negara akan menderita," kata Mustapa.

Sebenarnya, Malaysia dan Hong Kong telah bersetuju untuk berusaha bersama dalam mendapatkan lebih sokongan dunia bagi ketelusan kegiatan dana lindung nilai dan untuk menubuhkan badan kawal selia untuk menyelia operasi pasaran modal antarabangsa, terutama dalam perdagangan matawang, katanya.

Pada masa ini, suara-suara yang menyelar pengawalan modal kini lebih lantang berbanding mereka yang memihak kepada kawalan tertentu untuk mengatasi krisis kewangan. Jumlah mereka yang memihak termasuk pakar ekonomi Institut Teknologi Massachusetts Paul Krugman, mungkin bertambah terutamanya jika apa yang dilakukan oleh Malaysia berjaya.

Pakar ekonomi Bank Dunia Joseph Stiglitz memberitahu pegawai-pegawai perbankan pada Isnin bahawa kawalan tertentu terhadap aliran masuk modal jangka pendek adalah strategi utama untuk mengatasi krisis sejangat ini.

Dalam krisis dunia perbankan dan matawang yang kerap dan memeritkan, pemulihan domestik sahaja tidak akan dapat mengatasi kegawatan kecuali jika dasar-dasar antarabangsa juga diadakan untuk mengurung dan menghalang krisis daripada berlaku, katanya.

Pakar ekonomi Bank Dunia itu berkata kumpulan dan institusi antarabangsa boleh memainkan peranan penting dalam menggalakkan dasar-dasar teguh dan merayu para pelabur bahawa kawalan terhadap aliran modal adalah penebat kepada risiko dan tidak memerlukan pelaburan.

Pegawai kanan perbankan antarabangsa HSBC Chi Lo berkata kawalan jangka pendek boleh memberikan ruang bernafas sementara kerajaan memperbaiki sistem perbankan mereka. "Saya fikir ia boleh dilakukan, tetapi mereka

(kerajaan Malaysia) harus memperbaiki bank-bank terlebih dahulu," katanya.

Pakar ekonomi Morgan Stanley Dean Witter, Tim Condon berkata ide pengawalan modal mempunyai kelebihan dan kelemahan, tetapi beliau percaya bahawa "kita akan menyaksikan penerimaan yang lebih meluas".

Sementara itu, Mustapa yang mengadakan banyak perbincangan dengan pegawai-pegawai kanan Bank Dunia dan IMF termasuk Presiden Bank Dunia James Wolfensohn dan Pengarah Urusan IMF Michel Camdessus, berkata IMF pada awalnya banyak mengkritik langkah-langkah Malaysia tetapi kini ada tanda-tanda "perubahan tanggapan".

IMF bersetuju bahawa tindakan Malaysia tidak bertentangan dengan sebarang artikel perjanjian IMF tetapi "mereka masih membantah cara pemikiran Malaysia," kata Mustapa.

Menteri itu berkata beliau telah menjelaskan langkah-langkah pengawalan Malaysia kepada rakan-rakan sejawatannya dan menekankan bahawa langkah-langkah itu hanya baru dikenakan selama enam minggu.

"Masih terlalu awal untuk bercakap mengenai keluar dari strategi ini. Beri kami peluang menjayakannya." -- BERNAMA

SH JR OS